

# Pembinaan Koleksi Tamil Di Perpustakaan Universiti Malaya

Komodhi Thaiveegan\*

**Abstrak:** Koleksi Pengajian India di Perpustakaan Universiti Malaya bertanggungjawab untuk memperolehi bahan-bahan berbahasa Tamil yang diperlukan untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti Malaya. Koleksi Tamil berjumlah 15,000 buah judul di dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan. Koleksi ini bertambah penting dengan adanya usaha-usaha untuk memperolehi bahan-bahan berbahasa Tamil yang diterbitkan di Malaysia.

**Abstract:** The Indian Studies Collection of the University of Malaya Library is responsible for the acquisition of materials in the Tamil language required for teaching, learning and research in the University of Malaya. The Tamil collection has 15,000 titles in various disciplines. The collection has greater significance with the acquisition of Tamil materials published in Malaysia.

Pada tahun 1956, Jabatan Pengajian India yang menawarkan kursus-kursus dalam jurusan Tamil telah ditubuhkan di Universiti Malaya. Sejak itu suatu koleksi buku-buku Tamil yang merangkumi subjek-subjek yang ditawarkan dalam jurusan tersebut telah diwujudkan di Perpustakaan Universiti Malaya. Kini koleksi tersebut berusia 37 tahun. Sebagai perpustakaan akademik yang tunggal di Malaysia yang membina sebuah koleksi khusus berbahasa Tamil, Perpustakaan ini mempunyai tanggungjawab yang berat kepada para penyelidik dari segi perolehan, pemerosesan dan penyediaan bahan-bahan untuk mereka. Tanggungjawab berat ini dipikul oleh Koleksi Pengajian India. Seorang pustakawan ikhtisas mengetuai Koleksi ini.

## Koleksi

Koleksi ini mengandungi lebih kurang 15,000 judul bahan termasuk bahan-bahan Tamil Malaysiana. Kebanyakan buku dalam koleksi ini ialah dalam bidang sastera klasik dan moden sementara yang lain pula ialah dalam bidang linguistik, budaya, sejarah, biografi, seni, antropologi, sosiologi, psikologi, dan sastera terjemahan. Terdapat juga buku-buku sastera klasik yang merupakan edisi awal yang diterbitkan pada tahun-tahun 1890an. Buku-buku tersebut mem-

punyai nilai yang tinggi kerana kini kebanyakan darinya tiada lagi dalam pasaran. Koleksi ini juga mempunyai bahan-bahan rujukan untuk pengajian Tamil.

## Tamil Malaysiana

Sejak tahun-tahun 1980an perpustakaan ini mengambil inisiatif untuk mengumpulkan bahan-bahan Tamil Malaysiana untuk membina suatu koleksi khusus yang penting bagi pengajaran dan penyelidikan. Kini perpustakaan telah mengumpul lebih kurang 700 bahan Tamil Malaysiana. Maklumat bibliografi bagi separuh daripada bahan-bahan ini telah pun dimasukkan dalam komputer untuk rujukan umum. Takrif Tamil Malaysiana ialah:

- i. bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa Tamil dan dicetak di Malaysia;
- ii. bahan-bahan mengenai Malaysia dalam bahasa Tamil yang dicetak di luar negeri;
- iii. karya-karya yang ditulis dalam bahasa Tamil oleh pengarang yang berasal dari Malaysia.

Sebenarnya ini ialah kesinambungan usaha mendiang Dr. Rama Subbiah, seorang sarjana yang pernah berkhidmat di Universiti Malaya. Beliau telah menghasilkan sebuah bibliografi bertajuk *Tamil Malaysiana 1900 - 1969*.

\* Pustakawan, Koleksi Pengajian India

Dalam bibliografi ini beliau telah menyenaraikan lebih kurang 600 karya dalam bahasa Tamil yang diterbitkan di Malaysia antara tahun 1900 hingga 1969. Akan tetapi perpustakaan tidak dapat mengumpulkan kesemua bahan yang disebut dalam bibliografi ini. Setakat ini perpustakaan hanya dapat mengumpulkan 120 monograf dan 60 judul majalah sahaja. Kesulitan dalam mengenalpasti sumber penerbitan merupakan masalah besar yang dihadapi dalam mengumpulkan bahan-bahan Tamil Malaysiana tersebut.

### Perolehan Bahan

Pemilihan buku-buku Tamil dibuat dari katalog-katalog yang diterima dari penerbit-penerbit seperti Vanathi Pathippakam dan Thamil Puthakalayam. Tetapi proses ini amat menyulitkan kerana penerbit, terutamanya bagi buku-buku Tamil, tidak membekalkan buku-buku dengan cepat. Oleh itu, buku-buku Tamil dibeli dari pengedar tempatan sekarang. Dalam pemilihan bahan bagi koleksi Tamil, keutamaan diberikan kepada buku-buku yang berkaitan dengan kursus yang ditawarkan.

Satu lagi sumber untuk memperkayakan koleksi ialah melalui penerimaan buku-buku secara hadiah. Kami telah menerima dua buah koleksi secara hadiah pada tahun 1987 iaitu koleksi Mariayappan dan koleksi Sinniah yang mengan dungi lebih kurang 1,500 buah buku. Pada tahun 1992, Jabatan Pengajian India telah menghadiahkan lebih kurang 700 buah buku yang terdapat di perpustakaannya. Buku-buku tersebut amat berguna kepada para akademik dan juga pelajar.

### Masalah Pembinaan Koleksi

Setiap tahun Jabatan Pengajian India mendapat peruntukan untuk membeli buku-buku yang berkaitan dengan kursus yang ditawarkan di jabatannya. Walaupun jumlah yang diterima itu sedikit, tetapi ia tidak menjadi penghalang dalam membina suatu koleksi yang bermutu. Setiap permintaan dari Jabatan Pengajian India untuk membeli buku baru pasti ditunaikan.

Mengenai pembinaan koleksi Tamil Malaysiana pula, pihak perpustakaan menghadapi masalah. Oleh kerana tiadanya suatu badan pusat atau penerbit utama yang bertanggungjawab penuh dalam mengeluarkan buku-buku Tamil, maka pengarang-pengarang menghadapi

kesulitan untuk menerbitkan buku-buku mereka. Jadi karyawan yang ingin menerbitkan karya mereka terpaksa berusaha sendiri untuk mengeluarkannya. Jika karya tersebut dikeluarkan di Kuala Lumpur ia mudah diperolehi tetapi jika ia dikeluarkan di tempat lain, amatlah sukar untuk mendapatkannya.

Inisiatif pengarang-pengarang sendiri untuk menghantar bahan-bahan tersebut kepada perpustakaan agak lembab walaupun pihak perpustakaan telah memperingatkan mereka tentang usaha untuk mewujudkan suatu koleksi Tamil Malaysiana yang serba lengkap.

Minat di kalangan penerbit atau pengeluar juga agak berkurangan. Ini terbukti apabila sesuatu buku baru diterbitkan. Pengarang selalunya berpuas hati jika seratus atau dua ratus naskhah yang dicetaknya dapat dibacakan oleh keluarga dan kawan-kawannya sahaja. Penerbitan yang dikeluarkan oleh kuil-kuil Hindu juga sukar diperolehi oleh kerana kebanyakannya tidak dipasarkan melalui penerbit atau pengedar komersial. Akhir-akhir ini di Malaysia, setiap bulan ataupun setiap tiga bulan sekali kita dapat berbagai majalah mingguan dan bulanan diterbitkan. Kebanyakan dari majalah ini hanya diterbitkan untuk jangka waktu yang singkat. Kadang-kadang penerbitnya sendiri tidak menyimpan bahan-bahan yang diterbitkannya.

### PERKHIDMATAN

Koleksi Pengajian India memberikan berbagai perkhidmatan kepada para pengguna. Pada awal semester pertama para pelajar dari tahun satu akan diajar cara menggunakan senarai abjad Tamil untuk mencari bahan-bahan Tamil di komputer.

Selain dari itu para pelajar yang mengambil jurusan Tamil diberi bimbingan dan tunjukajar dalam mencari bahan-bahan keperluan mereka di rak-rak dan kadang-kadang mereka dibantu mendapatkan bahan yang relevan bagi kerja kursus mereka.

Pelajar-pelajar dari universiti lain juga kerap datang ke perpustakaan untuk menggunakan koleksi ini apabila mereka membuat sebarang kajian mengenai masyarakat India. Tenaga pengajar dari Jabatan Pengajian India juga

mendapat bantuan koleksi ini bila mereka perlu-kan sesuatu bahan.

Bahan-bahan majalah diatur di rak-rak khas supaya para pelajar dapat meminjam dan membacanya. Sekiranya pelajar ingin meminjam mereka dikehendaki meninggalkan kad matrik dengan kakitangan sebelum membawa keluar mana-mana majalah. Majalah hanya boleh dibaca di dalam perpustakaan.

Pada amnya memang ada potensi yang luas untuk memperkembangkan koleksi ini. Di antara projek-projek yang boleh diikuti ialah: i) membuat keratan akhbar, ii) mengumpul bahan-bahan mengenai orang India yang diterbitkan di Malaysia dalam berbagai bahasa, iii) membuat senarai indeks makalah yang ditulis oleh pengarang keturunan India, iv) berusaha mencari bahan-bahan yang disenarai dalam *Tamil Malaysiana 1900-1969*.

#### UPDATE ON COMPUTERISATION

July 1993 With the beginning of the 1993/94 session, classes were held for new students on the use of the on-line catalogue (OPAC). This also included an introduction to the Library and its services in the form of a computer presentation using Corel Draw.

On 19.7.93 the Workshop on Presentation Methods was conducted. This was the first in a series of professional workshops to be organised for library staff to upgrade their knowledge in library automation.

On 31.7.93 a Technical Committee was established comprising of professional staff of the Library and a representative from the Computer Centre. The Committee's role is to keep the Library abreast on all matters pertaining to library computerisation.

August 1993 The automated unattended backup system (DEC TF857 tape backup subsystem) was delivered and installed. Daily backup of the Library databases is now carried out every night after the Library is closed.

The Library subscribed to SIRIMLINK which allows access to the databases on standards, patents and relevant literature held by the Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM). Access is possible through the MAYPAC (Malaysia Packet Switching Network) and the JARING link.

September 1993 The Library officially handed over the responsibility of the MicroVax 3100 to the Computer Centre. The machine which runs the Ultrix operating system will be used as the University's designated gateway for access to Internet and other external networks.

A new 24-port multiplexer (Nokia Mux 115) was installed to allow for more terminals in the Medical Library. Twenty four new DEC VT420 terminals have been received. The total number of terminals in the Library system is now 120.

Database Statistics: (as at 30.9.93)

i)	UNIMAL (main bibliographic database)	
	No. of records	420,834
	No. of active records	384,274
	No. of authority records	36,326
ii)	INDXDB (the index database)	
	No. of records	32,044
	No. of active records	30,926
	No. of authority records	1,115